

**Soalan Lazim Program Penangguhan Overdraf (OD) / Pembiayaan Aliran Tunai-i /
Pembiayaan Margin Saham (SMF) / Overdraf Bercagarkan Unit Amanah (OD-UT)**

(Version 30 March 2020)

| No. | Soalan | Jawapan |
|-----|--|--|
| 1. | Saya mempunyai fasiliti Pembiayaan Margin Saham (SMF)/Overdraf Bercagarkan Amanah (OD-UT). Adakah saya termasuk dalam penerima moratorium? | <p>Ia digunakan bagi semua fasiliti Overdraf (OD)/Pembiayaan Aliran Tunai-i, SMF dan OD-UT yang diluluskan kepada individu dan disalurkan sebelum 1 April 2020.</p> <p>Penangguhan meliputi berikut dalam tempoh moratorium:</p> <p>(a) Untuk fasiliti OD/Pembiayaan Aliran Tunai-i:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran balik/pembayaran prinsipal (sepenuhnya atau separa) dan faedah/keuntungan • Pembayaran balik/pembayaran berjadual pada selang masa yang ditetapkan • Bayaran sekali gus sekali bayar • Baki melebihi had diluluskan disebabkan pengurangan had berjadual, faedah/keuntungan yang dikenakan ke atas akaun serta fi komitmen untuk OD konvensional jika ada, setakat 31 Mac 2020 <p>(b) Bagi SMF dan OD-UT, baki melebihi had diluluskan dan jika berlaku kekurangan apabila bayaran kontrak atau berjadual atau sekali gus diperlukan.</p> <p>Fasiliti juga perlu memenuhi syarat tiada tunggakan melebihi 90 hari pada 1 April 2020 dan berstatus fasiliti denominasi Ringgit Malaysia.</p> |
| 2. | Adakah moratorium merangkumi pinjaman yang dimohon/diluluskan/disalurkan selepas 1 April 2020? | Tidak. Moratorium tidak meliputi pinjaman yang disalurkan selepas 31 Mac 2020. |
| 3. | Bila saya diminta membuat semula pembayaran? | <p>Tarikh membuat pembayaran yang seterusnya adalah Oktober 2020.</p> <p>Fasiliti OD/Pembiayaan Aliran Tunai-i di bawah pengurangan berjadual atau pengurangan sekali gus akan ditangguh pembayaran balik/pembayaran selama 6 bulan, dan bermula semula pada 1 Oktober 2020.</p> |
| 4. | Ini bermaksud Bank akan mengenakan faedah/keuntungan dalam tempoh moratorium? | Ya. Faedah/Keuntungan akan terus dibil dalam tempoh ini tetapi bayaran yang perlu dijelaskan dalam tempoh 6 bulan moratorium akan ditangguh sehingga 1 Oktober 2020. |
| 5. | Dalam tempoh moratorium, bolehkah saya terus menggunakan baki perdagangan/pengeluaran dalam akaun pinjaman? | Ya, dibenarkan. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|-----|--|--|
| 6. | Bila tarikh mula Program? | Program bermula pada 1 April 2020 untuk tempoh 6 bulan. |
| 7. | Bagaimana cara memohon? | Anda tidak perlu memohon kerana ia diberi secara automatik kepada semua peminjam/pelanggan. |
| 8. | Adakah saya dibenarkan mengecualikan diri daripada program penangguhan? | Ya, anda boleh menarik diri pada bila-bila masa. Tiada notis diperlukan. Anda hanya perlu meneruskan pembayaran faedah/keuntungan bulanan. Pembayaran balik/pembayaran prinsipal berjadual perlu dibuat sebelum tarikh akhir pembayaran. |
| 9. | Apakah impak program ke atas akaun pinjaman/pembiayaan saya? | Untuk OD/Pembiayaan Aliran Tunai-i Anda boleh terus menggunakan fasiliti sehingga had yang diluluskan. Faedah/Keuntungan ditangguhkan, fi komitmen untuk OD konvensional dan faedah/fi lain yang berkaitan akan ditambah kepada baki tidak berbayar. Baki melebihi had diluluskan yang perlu dibayar menurut kontrak akan ditangguhkan sehingga 1 Oktober 2020. Untuk SMF / OD-UT Penangguhan ke atas pembayaran balik hanya meliputi jumlah melebihi had fasiliti yang diluluskan dan jika berlaku kekurangan apabila nilai sandaran anda tidak mencukupi untuk membiayai pinjaman belum berbayar. Caj faedah berlebihan/tertunggak dalam tempoh moratorium akan diakru dan ditambah kepada baki belum berbayar anda selepas tempoh moratorium berakhir. Selepas tempoh penangguhan moratorium, anda perlu melangsaikan bayaran faedah berlebihan/kekurangan dana. |
| 10. | Bilakah saya perlu membayar semula/membayar jumlah berlebihan? | Anda perlu membayar jumlah berlebihan selepas tempoh moratorium, pada 1 Oktober 2020. Jika anda berasa akan menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik/pembayaran, anda perlu menghubungi Consumer Collection Centre kami untuk perbincangan secepat mungkin, sebelum moratorium berakhir, di: Tel: +603-79591888 Emel: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my |
| 11. | Adakah saya dibenarkan membuat bayaran atau melangsaikan akaun pinjaman/pembiayaan saya dalam tempoh moratorium? | Ya, dibenarkan. Fasiliti OD/Pembiayaan Aliran Tunai-i boleh dikurangkan atau diprabayar bila-bila sahaja dalam tempoh tersebut. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|-----|--|--|
| 12. | Adakah saya akan menerima Panggilan Margin dalam tempoh moratorium? | Ya. Terma panggilan margin dan jualan paksa kekal tanpa perubahan. |
| 13. | Adakah saya masih akan dikenakan fi komitmen ke atas jumlah tidak digunakan dalam akaun OD saya? | Fi komitmen ke atas OD tidak digunakan melebihi RM 250,000 seperti dalam terma dan syarat sedia ada akan terus berkuat kuasa dalam tempoh penangguhan. Fi komitmen tidak berkenaan dalam SMF. |
| 14. | Ada caj tambahan kepada pinjaman saya? | Fi dan caj yang berkenaan fasiliti akan terus berkuat kuasa. |
| 15. | Adakah kadar faedah/keuntungan saya akan terjejas apabila ekonomi pulih dalam 6 bulan akan datang? | Kadar Rujukan Pembiayaan (Kadar Asas/ Kadar Asas Islamik/ Kadar Asas Pinjaman/ Kadar Pembiayaan Islamik) berubah-ubah menurut perubahan kepada OPR. Kadar faedah/keuntungan kontrak akan diubah bersesuaian dengan perubahan OPR. Kadar akan meningkat apabila OPR meningkat dan sebaliknya. Bagi Pembiayaan Aliran Tunai-i yang berkadar tetap, tiada perubahan bagi kadar keuntungan kontrak. |
| 16. | Adakah tempoh pinjaman/pembiayaan saya bertambah? | Program penangguhan tidak mengubah tempoh pinjaman/pembiayaan kerana OD/Pembiayaan Aliran Tunai-i/SMF/ODUT adalah fasiliti kredit pusingan, tiada tempoh pinjaman/pembiayaan yang tetap dan tertakluk kepada penilaian semula oleh Bank setiap tahun. |
| 17. | Adakah wujud sebarang impak negatif atau rekod buruk di CCRIS jika saya menyertai Program? | Tiada kesan negatif pada rekod kewangan CCRIS dalam tempoh moratorium. Tetapi, jika akaun anda tertunggak selama 1 bulan ke atas pada tarikh mula program penangguhan, CCRIS anda akan mengekalkan rekod sama dalam tempoh penangguhan. |
| 18. | Adakah saya dibenarkan memohon pinjaman/pembiayaan baharu daripada Bank ketika moratorium? | Ya. Anda masih layak untuk memohon pinjaman/pembiayaan baharu dalam tempoh moratorium, tertakluk kepada tahap kemampuan anda yang akan dinilai oleh Bank sewajarnya. |
| 19. | Bolehkah saya mohon penangguhan melebihi 6 bulan? | Tidak, program penangguhan hanya ditawarkan untuk tempoh 6 bulan. Untuk OD/Pembiayaan Aliran Tunai-i, jika anda menjangkakan sebarang kesukaran untuk membuat pembayaran balik/pembayaran, atau jika anda ingin menukar fasiliti sepenuhnya atau separa selepas tempoh moratorium, anda dinasihatkan menghubungi Consumer Collection Centre untuk perbincangan seawal mungkin, sebelum moratorium berakhir, di: Tel: +603-79591888 |

| No. | Soalan | Jawapan |
|-----|--------|--|
| | | <p>Emel: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my</p> <p>Untuk SMF, jika anda mengalami kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi Share Financing Centre kami di alamat berikut untuk membincangkan alternatif pembayaran:</p> <p>Tel: +603-2081 2890 Email: SMF_KLM@hlbb.hongleong.com.my</p> |

Kami menggalakkan anda untuk menghubungi kami untuk membincangkan mana-mana perkara berkenaan melalui butiran perhubungan yang disediakan di bawah:

- 1. Untuk pertanyaan am berhubung Program Penangguhan/Moratorium Pinjaman/Pembiayaan HLB/HLSB:**
HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, sehingga tamat tempoh PKP)
Emel: HLonline@hlbb.hongleong.com.my
- 2. Untuk Kemudahan Bantuan Khas (SRF) Bank Negara Malaysia untuk SME yang terjejas akibat wabak Covid-19:**
HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, sehingga tamat tempoh PKP)
Emel: sme@hlbb.hongleong.com.my
- 3. Untuk permintaan mengurangkan jumlah ansuran bulanan selepas Tempoh Moratorium:**
HLB Customer Collections: 603-7959 1888 (8.45am – 5.45pm, Isnin-Jumaat)
Emel: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my
- 4. Untuk permintaan mengekalkan pembayaran dalam Tempoh Moratorium:**
HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, sehingga tamat tempoh PKP)
Emel: HLonline@hlbb.hongleong.com.my

Terima kasih atas kesabaran dan kerjasama anda.

###